

FAHAMAN ATEIS MENYALAH RUKUN NEGARA MALAYSIA



PENDAHULUAN

Malaysia adalah sebuah negara yang unik bukan sahaja kaya dengan pelbagai bangsa, kaum dan budaya bahkan Malaysia juga mempunyai rakyat yang terdiri daripada pelbagai agama. Meskipun rakyat Malaysia terdiri dari pelbagai kaum, namun rakyat Malaysia telah disatukan dengan satu nilai yang mengikat mereka semua, yang menyangkan muhibah dan keharmonian di bawah naungan sebuah negara tercinta.

'Kepercayaan kepada tuhan', seperti yang termaktub dalam Rukun Negara Malaysia, merupakan fitrah setiap insan yang normal dan sihat akal fikirannya. Melalui kepercayaan beragama akan menjadikan bangsa dan negara ini, satu bangsa yang mempuak nilai-nilai yang murni dan negara yang berdaulat.

Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan bahawa Islam ialah agama Persekutuan, tetapi agama dan kepercayaan/kepercayaan lain boleh diamalkan dengan aman dan tenteram di mana-mana bahagian di dalam Persekutuan. Jawatankuasa penggubal Rukun Negara menyedari akan pentingnya agama dan kepercayaan kepada Tuhan dalam kehidupan manusia. Ketidadaan agama boleh meruntuhkan keperibadian seseorang dan juga sesuatu bangsa dan negara. Menyedari betapa pentingnya keteguhan pegangan anggota masyarakat terhadap ajaran agama masing-masing, prinsip ini telah dipanggil sebagai prinsip pertama dalam Rukun Negara.

Malaysia sebagai negara membangun tidak juga terlepas untuk bersaing dengan negara-negara maju dalam pelbagai bidang dan kepakaran khususnya teknologi maklumat yang kini maklumat dan berita semuanya pantas dan mudah sekarat di hujung jari sahaja. Di kala segala-galanya pantas dan mudah, ideologi-ideologi asing khususnya ateism turut menempah tempat dalam isu lokal yang memberi ancaman yang hebat kepada nilai pertama yang termaktub dalam Rukun Negara Malaysia.

RINGKASAN SOROTAN SEJARAH PEMBENTUKAN RUKUN NEGARA

Untuk menghayati kisah bagaimana Rukun Negara Malaysia terbentuk, pembaca perlu menyorioti sebuah peristiwa hitam, iaitu peristiwa 13 Mei 1969 yang telah melemahkan perpaduan antara kaum di Malaysia. Sejarah merakamkan pada masa itu, perpaduan antara kaum berada pada tahap yang bahaya dan membimbangkan. Ini kerana pertelagahan antara kaum bukan hanya melibatkan kemusnahan harta benda bahkan kematian jiwa, kecederaan dan keadaan kacau-bilau yang meresahkan. Akibat daripada ini maka tertubuhnya Majlis Gerakan Negara (MAGERAN) pada 31 Ogos 1970 yang dipengerusikan oleh Timbalan Perdana Menteri pada waktu itu, almarhum Tun Abdul Razak Hussein bagi menangani isu-isu pembinaan semula perpaduan masyarakat yang telah musnah akibat peristiwa hitam tersebut.

Rentetan daripada tertubuhnya MAGERAN, maka dirangka Rukun Negara yang mempunyai 5 nilai sebagai membentuk perpaduan yang kukuh, seterusnya menjadikan Rukun Negara itu sendiri sebagai nilai perpaduan negara. Terdapat lima prinsip yang terkandung di dalam Rukun Negara, yang seharusnya difahami dan dijiwai oleh setiap rakyat Malaysia:

RUKUN NEGARA

1. Kepercayaan kepada tuhan
2. Kesetiaan kepada raja dan negara
3. Keluhuran perlembagaan
4. Kedaulatan undang-undang
5. Kesopanan dan kesusilaan

FAHAMAN ATEIS MENURUT BAHASA DAN ISTILAH

Ateisme menurut Oxford Dictionaries merujuk kepada keadaan ketidakpercayaan atau kurang kepercayaan tentang kewujudan Tuhan atau tuhan-tuhan. Secara etimologi, perkataan 'atheism' berasal daripada perkataan Yunani atheos; 'a' bermaksud tanpa dan 'theos' bermaksud tuhan-tuhan. Lawan bagi ateisme adalah teisme iaitu fahaman yang mempercayai dan mengimani akan wujudnya tuhan. Ini pastinya berlawanan dengan 'Kepercayaan kepada tuhan' yang menerangkan asas kehidupan beragama sekaligus sebagai prinsip penting kepada kehidupan rakyat di negara kita. Sebarang bentuk ideologi atau ajaran yang menolak kepercayaan kepada tuhan seperti ateism dan fahaman komunis tidak akan mendapat tempat dalam negara ini.

Ateisme dalam Bahasa Arab disebut sebagai al-lihad. Menurut Ibn al-Faris (395H), pengarang kepada Mujam Maqayis al-Lughah, semantik huruf lam, ha dan dal menandakan makna menyimpang daripada pandangan yang lurus. Alhad al-raju bermaksud seorang lelaki telah menyimpang daripada jalan kebenaran. Selain itu, berkontungi mendak makna dari akar kata yang sama, al-lhad bermaksud liang lahad dalam kuburan. Perkaitannya adalah liang lahad tersebut menyimpang dari pertengahan (lubang) kuburan ke arah kiblat. Manakala dari segi istilah pula, ateisme adalah sebuah mazhab falsafah yang berdiri atas fahaman nihilisme yang mana asasnya adalah menafikan kewujudan Allah SWT sebagai Maha Pencipta.

Dalam sejarah peradaban Islam, golongan ini juga dipanggil mulsim, yang mendakwa bahawa sesuatu ciptaan itu wujud tanpa pencipta. Ini kerana menurut mereka, material itu bersifat kekal dan abadi serta ianya juga adalah pencipta dan ciptaan dalam masa yang sama.

PENDIRIAN NEGARA MALAYSIA TERHADAP FAHAMAN ATEIS

Ketidakpercayaan atau kurang kepercayaan tentang kewujudan Tuhan atau ateis jelas menyalahi perlembagaan. Perkaras 3, Perlembagaan Persekutuan menyatakan bahawa

"Agama Islam ialah agama bagi Persekutuan; tetapi agama-agama lain boleh diamalkan dengan aman dan damai di mana-mana bahagian Persekutuan"

Perlembagaan Persekutuan menyatakan kebebasan beragama namun bukan bermakna kebebasan untuk tidak beragama.

Fahaman Ateisme adalah sebahagian daripada ancaman terhadap akidah umat Islam. Pengaruh fahaman ini dapatial diumpamakan 'seperti sekam di dalam api' yang secara perlahan-lahan akan meranapkan benteng akidah umat Islam. Oleh kerana fahaman ini bersifat multi-dimensi (melibatkan pelbagai aspek kehidupan) maka penyelesaian juga perlu bersifat multi-dimensi (menyeluruh dan strategik) sama ada untuk merawat, mengengkang mahupun membasmi fahaman ini daripada terus menyusup masuk ke dalam jiwa dan pemikiran umat Islam di Malaysia khususnya dan di dunia amnya.

